

## KETIDAKPATUHAN CUKAI



Oleh Puan Farhana Binti Yusof  
Pensyarah Jabatan Tadbir Urus Korporat  
Fakulti Pengajian Teknokorporat  
[farhana@kpbkl.edu.my](mailto:farhana@kpbkl.edu.my)

Percukaian merupakan salah satu instrumen penting yang berperanan sebagai penyumbang utama kepada pendapatan bagi sesebuah negara. Rasional kepada pengenaan cukai adalah bertujuan membolehkan sesebuah kerajaan membiayai perbelanjaan serta pembangunan negaranya dan pada masa yang sama mengimbangi jurang pendapatan antara golongan yang berpendapatan tinggi dengan golongan yang berpendapatan rendah. Walaupun mengetahui percukaian merupakan sesuatu yang memberikan manfaat kepada semua, namun terdapat pihak-pihak tertentu yang didapati cuba mengelak atau melarikan diri daripada membayar cukai yang telah mencetuskan keadaan ketidakpatuhan cukai (Saad, 2012).

Ketidakpatuhan cukai bermaksud tindakan seseorang individu yang menyalahi perundangan cukai, iaitu mengelakkan diri daripada membayar cukai (Saruji, 2012). Antara jenis-jenis ketidakpatuhan cukai ialah kegagalan mendaftar sebagai pembayar cukai, tidak atau lewat menghantar borang cukai, tidak melaporkan pendapatan dengan betul, dan tidak atau lewat membayar cukai. Golongan yang melakukan aktiviti ketidakpatuhan cukai tidak tertumpu kepada kumpulan tertentu sahaja sebaliknya melibatkan pelbagai pihak antaranya kakitangan kerajaan, kakitangan akademik dan perniagaan kecil dan sederhana (Mashadi, 2016).

Antara sebab dan punca berlakunya ketidakpatuhan cukai ialah tingkah laku pematuhan pembayar cukai dari segi sumber pendapatan mereka. Bagi pembayar cukai yang bergaji, di mana cukai mereka ditolak oleh majikan menjadikan tingkah

laku pematuhan mereka tinggi kerana mereka tidak mempunyai pilihan untuk tidak patuh. Sebaliknya, bagi orang yang bekerja sendiri mereka mempunyai peluang untuk memutuskan sama ada mematuhi atau tidak mematuhi kewajipan cukai mereka. Selain itu, sebab untuk ketidakpatuhan cukai ialah sikap pembayar cukai yang tamak dan tidak ada kemahuan untuk berkongsi pendapatan mereka dengan anggota masyarakat lain.

Sebab lain juga adalah kepercayaan pembayar cukai bahawa mereka boleh menghindari membayar cukai tanpa ditangkap kerana mungkin tiada tindakan yang dikenakan sebelum ini. Pengetahuan cukai yang baik juga boleh memberi motivasi kepada pembayar cukai untuk berlakunya ketidakpatuhan cukai. Selain itu, sistem cukai pendapatan yang agak kompleks atau sukar difahami dianggap sebagai punca lain untuk ketidakpatuhan di kalangan pembayar cukai.

Antara inisiatif yang dijalankan bagi mengurangkan ketidakpatuhan cukai ialah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) memperkenalkan Program Khas Pengakuan Cukai Secara Sukarela melalui Belanjawan 2019 bagi melakukan reformasi percukaian untuk menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela mengisytiharkan pendapatan serta meningkatkan kutipan cukai untuk pembangunan negara. Kerajaan mengharapkan agar semua pembayar cukai di Malaysia mempunyai kepatuhan cukai yang tinggi agar peningkatan pendapatan negara dapat ditingkatkan dan ekonomi negara dijana dengan lebih baik.

## **REFERENCE**

Muhammad Aqbal Mashadi, Rosiati Ramli, Mohd Rizal Palil, Romlah Jaffar. (2016) *Forms Of Tax Non-Compliance: A Study On Construction Sector Of Small And Medium Enterprise (Sme) In Malaysia.*

Natrah Saad. (2012). *Tax Non-Compliance Behaviour: Taxpayers View. Procedia – Social and Behavioral Sciences*

Syatila Che Saruji, & Mohd Rizal Palil. (2012). *Pengelakan Cukai : Kajian Kes Di Kolej Poly-Tech MARA , Kuala Lumpur ( KPTMKL )*

<https://www.hasil.gov.my>